

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.  
SANTIAGO**

**(KLANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 30.03.2015**

**Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO [ KLANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan amaun cukai yang dikutip oleh Kerajaan daripada 50 dan 100 rakyat Malaysia yang terkaya dengan *net worth* yang paling tinggi.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, maklumat pembayar cukai pendapatan seperti jumlah pendapatan, perbelanjaan dan cukai yang dibayar adalah tertakluk kepada kerahsiaan yang tidak boleh diberikan untuk kegunaan pihak luar. Peruntukan kerahsiaan ini dinyatakan

dibawah seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang menghalang Kerajaan daripada mendedahkan maklumat pembayar cukai pendapatan kepada mana-mana pihak.

2. Aspek kerahsiaan maklumat pembayar cukai ini bertujuan untuk menjaga kepentingan pembayar cukai dan keyakinan mereka kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) bahawa maklumat peribadi mereka sentiasa disimpan dan dilindungi dengan rapi. Pada masa sama, aspek kerahsiaan ini menunjukkan tahap integriti tertinggi di pihak Kerajaan dan LHDN yang mengiktiraf pembayar cukai yang patuh kepada undang-undang cukai.